

BULETIN

PEJABAT TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

Buletin Bil. 2-2016



*Perkhidmatan Cemerlang,
Kualiti Diutamakan*

2016

ISI

KANDUNGAN

UTAMA

1-2

INFORMASI

3-7

PERISTIWA

8-19

ILMU, KURSUS, BENGKEL

20-21

LAWATAN

22-23

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN PTGS

24

BERITA KELAHIRAN

25

Senarai Jawatankuasa Editorial Buletin PTGS

Penaung

Tuan Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim

Ketua Editor

Azlinawaty Binti Ahmad Bahar

Editor

Nurul Murni Binti Suryani

Sidang Editorial/ Wakil Bahagian

Siti Zalekha Binti Mohd Jailani

Nooraidah Binti Yahya

Nik Azira Binti Mohd Zin

Mohd Nazrul Bin Ngaimin

Hafiza Binti Mohammed Awam

Jihan Musfirah Binti Musa

Wan Aine Noor Azureen Binti Md Nasir

Khairul Azhar Bin Abdul Samad

Aziz Bin Hairon

Naufal Bin Ebrahim@lbrahim

Nurliana Aqilah Binti Yunus

Mohd Kahar Bin Md Rasib

Rabiatul Adawiah Binti Mastor

Rohayu Binti Suhaimi

Safizan Bin Shahkarda

Jurina Binti Adnan

Mohd Jeffry Bin Omar

Penyelaras / Fotografi

Muhammad Amirul Hakimi Bin Azman

Seminar Land Acquisition In Selangor : “Implementation And Rights”



Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) dengan kerjasama Kelab Kebajikan dan Sukan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor telah menganjurkan Seminar Land Acquisition in Selangor: “Implementation and Rights” pada 26 September 2016 yang bertempat di Setia City Convention Centre, Setia Alam. YB Dato’ Mohd Amin Bin Ahmad Ahya Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut memberikan ucap tama Seminar “Land Acquisition In Selangor : Implementation & Rights” dan sekaligus merasmikan seminar ini.

Seramai lebih kurang 500 peserta menghadiri seminar ini yang terdiri daripada agensi Swasta, agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta.



Seminar ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai Akta Pengambilan Tanah 1960 berkaitan tatacara dan prosedur Pengambilan Tanah. Selain itu ia turut mengupas isu dan cabaran proses pengambilan tanah serta meningkatkan kemahiran dan pemahaman berkaitan Akta serta Pekeliling yang sedang berkuatkuasa. Sesi seminar tersebut dilaksanakan secara pembentangan oleh setiap pembentang yang pakar di dalam setiap topik dan forum.



Seminar ini dimulakan dengan *Overview* Pengambilan Tanah di Negeri Selangor oleh Encik Najmuddin Bin Jemain, Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Selangor. Seterusnya ia disambung dengan taklimat yang bertajuk “Isu dan Cabaran Pengambilan Tanah di Bawah Seksyen 3(1) (a) Dan (b)” oleh Encik Jaiya Bin Abu; Mantan Pengarah JKPTG Negeri Sembilan. Pembentangan yang bertajuk “Peranan JUPEM Dalam Permohonan Pengambilan Tanah” telah dibentangkan oleh Tuan Haji Sulaiman Bin Bakri Jabatan Pemetaan (JUPEM) Selangor. Di akhir seminar ini, satu sesi forum yang bertajuk “Hak dan Pelaksanaan” telah diperbincangkan bersama semua pembentang sebagai ahli panel forum dan dikendalikan oleh Encik Kamarul Bahri Bin Baharum, Penolong Pengarah (Perancang Bandar) daripada Pejabat Tanah dan Galian Selangor.


Salah seorang daripada peserta yang menghadiri Seminar ini berkata beliau mengharapkan penganjuran seminar atau program seperti ini wajar dilaksanakan dan dipanjangkan bagi topik - topik lain yang berkaitan dengan pentadbiran tanah dan isu - isu semasa yang berbangkit.

Sejajar dengan itu, Pentadbiran ini akan cuba merancang dan memperbanyakkan program seperti ini bagi memberi pendedahkan kepada orang awam dari pelbagai peringkat profesional dan bukan profesional dan terus memberikan yang terbaik untuk rakyat.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada warga PTCS yang menjayakan seminar ini.



Manual Pengambilan Tanah Bagi Pendaftar dan Pentadbir Tanah Negeri Selangor & Ringkasan Pengambilan Tanah Bagi Pendaftar dan Pentadbir Tanah Negeri Selangor



Pihak PTG Selangor telah menerbitkan Manual Pengambilan Tanah Bagi Pendaftar dan Pentadbir Tanah Negeri Selangor yang mengandungi sebanyak 138 halaman bertujuan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah di Negeri Selangor mengenai tanggungjawab dan keperluan mengikut segala proses mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]. Manakala Ringkasan Pengambilan Tanah Bagi Pendaftar dan Pentadbir Tanah Negeri Selangor atau lebih dikenali sebagai Quick Reference yang hanya mempunyai halaman sebanyak 19 muka surat merupakan penerangan yang lebih ringkas mengenai proses mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

Kedua-dua dokumen penerbitan ini bertujuan untuk menyelaraskan proses pengambilan tanah di semua Daerah di dalam Negeri Selangor mengikut peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1960 serta pekeliling-pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan Pengarah Tanah Dan Galian Selangor (PTGS).

Penerbitan ini sekaligus memberi pendedahan dan kefahaman mengenai Akta Pengambilan Tanah 1960, tatacara pengambilan terutama kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat di dalam proses pengambilan mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960.

Dengan penerbitan ini, proses pengambilan tanah akan menjadi lebih efisien dan teratur selaras dengan Akta pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] serta pekeliling-pekeliling yang telah dikeluarkan.

Diharapkan dengan adanya manual dan quick reference ini, pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai dalam menguruskan prosiding pengambilan tanah dapat ditingkatkan supaya semua urusan dalam tugas seharian dapat diselaraskan dan memberi kesan kepada kualiti dan produktiviti pengambilan tanah di Negeri Selangor khususnya. Walaubagaimanapun, manual ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang yang berkaitan.

Penerbitan ini boleh diperolehi dengan harga RM180 bagi Manual Pengambilan Tanah (terhad untuk agensi kerajaan sahaja) dan RM20 bagi Ringkasan Manual Pengambilan Tanah.

Sehubungan dengan itu, sekiranya berminat bagi mendapatkan penerbitan ini, pembelian boleh dibuat secara Tunai/ Bank Draft/ Cek Berpalang/ Pesanan Tempatan atas nama Kelab Kebajikan Dan Sukan Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (No. Akaun Bank Islam : 12038010014353). Sebarang pertanyaan lanjut mengenai penerbitan ini boleh menghubungi pegawai berikut :

i. Encik Nazli Bin Tarives

Penolong Pegawai Tanah
Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal
No.Tel : 03-5520 5627
Emel : nazli@selangor.gov.my

ii. Puan Nurul Murni Binti Suryani

Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah
No.Tel : 03-5544 7344
Talian Bebas Tol : 1-800-88-2624
Emel : nurulmurni@selangor.gov.my



Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antara Negeri Semenanjung Malaysia

Pengenalan

Dari sudut geografi, kedaulatan sesebuah negeri atau negara tertakluk kepada wilayah yang mempunyai sempadan yang jelas dan sempadan tersebut adalah di bawah satu kawalan yang eksklusif dan efektif. Kedaulatan adalah satu elemen yang penting di dalam sesebuah negara mahupun negeri kerana ianya merupakan benteng kesinambungan antara negara dan negeri.

Standard Operating Procedure Pengukuran Sempadan Negeri

Standard Operating Procedure (SOP) Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri-negeri Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2014, menyatakan bahawa penentuan sempadan antara negeri-negeri Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan kepada akta-akta, perjanjian-perjanjian, triti-triti, warta-warta kerajaan, surat-suratan, terma-terma rujukan (ToR) dan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dibuat antara negeri-negeri. Keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Mac 1993 semasa menimbangkan Memorandum daripada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (kini Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)) bertajuk "Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia" telah bersetuju:

- A) Dengan garis panduan (tatacara) pelaksanaan permohonan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri;
- B) Kos penandaan dan pengukuran sempadan antara negeri-negeri ditanggung bersama oleh kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat;
- C) Mewujudkan Akaun Amanah di NRE agar penandaan dan pengukuran sempadan antara negeri-negeri dapat berjalan dengan lancar.

Tiga (3) jawatankuasa telah ditubuhkan hasil daripada keputusan tersebut iaitu:

- A) Jawatankuasa Kebangsaan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri (JKPPSBN) yang dipengerusikan oleh KSU NRE;
- B) Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri (JPPSBN) yang dipengerusikan bersama oleh SUK kedua-dua negeri bersempadan) ; dan
- C) Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan dan Pengukuran (JBTP) yang dipengerusikan bersama oleh Pejabat Tanah dan Galian.

Carta Alir Bagi Penghasilan Memorandum Persefahaman (MoU) Penandaan dan Pengukuran Sempadan Negeri



Proses memuktamadkan jaringan sempadan negeri melibatkan beberapa peringkat penghasilan MoU, Bidang Tugas (ToR) dan Perjanjian seperti berikut dalam gambarajah di sebelah:

Selain itu, setiap kelulusan bagi Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri dengan Negeri-negeri Bersempadan perlulah mendapatkan kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta perlu disebarkan maklum kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Yang di-Pertuan Negeri bagi memohon perkenan.



Status Terkini Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri Selangor dan negeri-negeri Bersempadan

Selangor-Pahang

Secara ringkasnya Negeri Selangor bersempadan dengan Negeri Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Bagi sempadan Negeri Selangor-Pahang, ianya sedang di dalam proses pemuktamadan jajaran sempadan yang akan dimuktamadkan dengan Perjanjian Persefahaman Ketiga (MoU3) – Setuju Terima Ukuran Baru dan Perjanjian Sempadan oleh kedua-dua Menteri Besar Negeri Selangor dan Pahang bersama Setiausaha Kerajaan kedua-dua negeri. Beberapa lawatan tapak telah dilaksanakan bagi melihat dan mengesahkan kedudukan tanah-tanah, aset-aset dan kepentingan sedia ada dan semua hakmilik di dalam wilayah Negeri Selangor.

Selangor-Perak

Bagi Negeri Selangor dan Perak, beberapa mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal telah dilaksanakan oleh kedua-dua Negeri bagi memurnikan draf cadangan MoU dan ToR bagi Penandaan dan Pengukuran Sempadan. Hasil daripada mesyuarat yang telah dilaksanakan, beberapa perkara telah dikenalpasti untuk disemak dan disahkan oleh agensi-agensi yang berkaitan.

Selangor- Negeri Sembilan

MoU1 (Setuju Terima Ukuran Sedia ada), MoU2 (Setuju hasrat Penandaan dan Ukur) dan ToR telah ditandatangani pada 4 September 2015 oleh kedua-dua Negeri Selangor dan Negeri Sembilan bersama Setiausaha Kerajaan kedua-dua negeri. Seterusnya kerja-kerja ukur di lapangan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah bermula pada April 2016.

Selangor- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Beberapa semakan persempadanan bagi Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sedang giat dilaksanakan sebelum MoU ditandatangani selain memuktamadkan draf ToR. Manakala, Selangor-Wilayah Persekutuan Putrajaya juga sedang di dalam peringkat persediaan bagi kedua-dua Negeri bagi menandatangani MoU. Beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah dilaksanakan bagi memperhalusi isu persempadanan ini.



Penutup

Proses penandaan dan pengukuran sempadan antara negeri di Semenanjung Malaysia masih berjalan walaupun negara telah lama mencapai kemerdekaan. Ini menunjukkan proses penandaan dan pengukuran sempadan bukanlah satu proses yang mudah dan memerlukan ketelitian yang tinggi bagi memastikan kedaulatan sesebuah negeri terjamin serta tidak dipertikaikan.



Perbincangan lawatan tapak semasa melihat pesempadanan Negeri Selangor - Pahang



Kedua-dua Pengarah PTGS dan JUPEM Selangor sedang melihat batu tanda sempadan Negeri Selangor-Pahang di Bukit Fraser



Sekitar Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri Selangor dan Negeri Perak

Akta Hakmilik Strata 1985 (Pindaan 2013 [A 1450])

Latar Belakang

Akta Hakmilik Strata telah dikuatkuasakan pemakaiannya melalui Warta P.U. (B) 276/1985 pada 1 Jun 1985 bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Akta ini bertujuan untuk menyediakan peruntukan perundangan bagi pendaftaran dan pengeluaran dokumen hakmilik, bagi setiap petak dalam skim pembangunan berstrata. Akta hakmilik strata telah dipinda sebanyak lima (5) kali iaitu melalui:

- (i) Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 1990 [Akta A753] berkuat kuasa pada (23 Februari 1990);
- (ii) Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 1996 [Akta A951] berkuat kuasa pada (2 Ogos 1996);
- (iii) Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2001 [Akta A1107] berkuat kuasa pada (1 Disember 2001);
- (iv) Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2007 [Akta A1290] berkuat kuasa pada (12 April 2007); dan
- (v) Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450] berkuat kuasa pada (1 Jun 2015).

Akta Hakmilik Strata dipinda agar selaras dengan trend urbanisasi pembangunan berstrata yang semakin meningkat.

Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450]

Secara umumnya, penguatkuasaan Akta A1290 telah membawa kepada beberapa perkara yang boleh menyebabkan kesulitan kepada pentadbiran tanah. Seperti ketidakseragaman tatacara pendaftaran hakmilik strata. Perkara tersebut memerlukan pengharmonian dan pindaan semula Akta supaya tindakan pendaftaran hakmilik strata yang dilaksanakan oleh Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah adalah lebih sempurna dan teratur.

Inisiatif pindaan terkini melalui Akta A1450 ini adalah berdasarkan kepada pelaksanaan konsep baru pengeluaran hakmilik strata dan pemilikan kosong (vacant possession) (VP) secara serentak, memperkemaskan semula peruntukan Akta yang dipinda pada 2007 melalui Akta A1290 dan memperkenalkan beberapa peruntukan baharu berdasarkan kehendak dan keperluan semasa.

Beberapa ciri baru hakmilik strata telah diperkenalkan dalam Akta A1450 ini adalah seperti Sijil Cadangan Pelan Strata (*Certificate of Proposed Strata Plan*)-(CPSP) sebagai syarat permohonan hakmilik strata, penetapan tempoh wajib memohon CPSP ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) cawangan negeri, penetapan tempoh masa permohonan hakmilik strata serta syarat-syarat permohonan ke PTC Negeri, penetapan tempoh wajib bagi pindahmilik hakmilik strata, penubuhan Perbadanan Pengurusan Subsidiari, serta lain-lain perkara berkaitan dengan pengurusan skim strata.

Asas pindaan undang-undang hakmilik strata di bawah Akta A1450 ini pada umumnya menekankan keperluan menjadikan pengurusan hakmilik strata yang setanding dengan kehendak dan kepentingan pelanggan (*customer-focused services*) serta bermatlamatkan penambahbaikan sistem penyampaian pentadbiran tanah dalam pengurusan dan pengeluaran hakmilik strata.

Akta A1450 juga telah memansuhkan Bahagian VII berhubung pengurusan bangunan yang telah dipecah bahagi dan bahagian IXA berhubung lembaga hakmilik strata.

PERISTIWA



Audit Tanah di Pejabat Daerah/Tanah Petaling



Surat Pekeliling PTGS Bil. 4/2015 memperlihatkan langkah keperhatian pihak kerajaan melalui PTGS dalam pengemaskinian semua proses dan pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS) demi faedah / kepentingan bersama diantara rakyat dengan kerajaan negeri.

Luahkan suara rakyat kepada Y.A.B. Menteri Besar adalah menjadi tanggungjawab serta amanah kepada Pengarah Tanah dan Galian Selangor dalam merialisasikan pengurusan dan pentadbiran tanah LPS agar lebih relevan serta memenuhi kehendak / keperluan rakyat negeri Selangor. Justeru, pengauditan pengurusan tanah di PTD Petaling khususnya mengenai LPS adalah berperanan ke arah memberikan kefahaman dan melaksanakan penambahbaikan proses kerja berdasarkan KTN 1951 dan Dasar dan Pekeliling yang berkuatkuasa.

PERISTIWA

Hari Bertemu Pelanggan



Program Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor di IOI Mall Puchong telah berlangsung mulai 12-13 November 2016. Program ini telah disertai oleh 12 agensi Kerajaan Negeri Selangor. Pejabat Tanah dan Galian Selangor turut menyertai Hari Bertemu Pelanggan ini bersama-sama MES, LPHS, JBPD, KORPORAT SUK, MPSJ, PPAS dan lain-lain agensi. Hari Bertemu Pelanggan merupakan satu pendekatan yang holistik untuk menawarkan perkhidmatan melalui interaksi dan perhubungan yang mesra, telus, dan cekap. Ia juga dapat mempertingkatkan penyebaran maklumat inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri dan dasar-dasar Kerajaan Negeri terus kepada rakyat. Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah, PTGS telah menyelaras sesi bertemu pelanggan ini dengan kerjasama bahagian-bahagian di PTGS. Selain itu, program ini memberi peluang orang awam untuk memberikan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan berkaitan mutu perkhidmatan yang disediakan oleh PTGS.



PERISTIWA

Latihan Kawad Mingguan Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal.



Aktiviti kawad bulanan ini telah dicadangkan oleh Ketua Penolong Pengarah (KPP) Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal (BPPTT) iaitu En. Mohd Azrul Bin Hashim sebagai salah satu usaha dan inisiatif untuk mengeratkan hubungan silaturrahim sesama kakitangan BPPTT disamping dapat memberi pendedahan dan ilmu baru kepada kakitangan bahagian yang tidak pernah menyertai mana-mana sesi latihan kawad sekaligus secara tidak langsung dapat memupuk semangat berpasukan dan setiakawan serta meningkatkan tahap disiplin setiap kakitangan. Aktiviti ini dilaksanakan pada minggu keempat setiap bulan dan disertai oleh semua kakitangan BPPTT.

PERISTIWA

Mesyuarat Penyelarasan Bagi Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri Selangor Dengan Negeri Pahang - 15 Ogos 2016

Mesyuarat ini membincangkan isu - isu berbangkit mengenai penandaan dan pengukuran sempadan bersama negeri Selangor dan Pahang. Ahli mesyuarat terdiri daripada agensi teknikal daripada kedua dua negeri bagi menilai dan memperincikan setiap isu sempadan.



Merdeka 59

Sambutan Hari Kemerdekaan Negeri Selangor Ke-59 telah disambut dengan meriahnya. Bertemakan "Selangorku: Sehati Sejiwa", Sambutan ini disambut di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Perbarisan dan perarakan turut diadakan dan disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan di Negeri Selangor PTGS turut menghantar kontingen perbarisan bagi perarakan sambutan pada kali ini. Majlis dihadiri oleh Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor. Warga PTGS dan Pengurusan Kanan PTGS hadir bersama sama bagi memberikan sokongan dan memeriahkan majlis sambutan kemerdekaan ini.



PERISTIWA

Pada 17 Oktober 2016, telah berlangsungnya Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bersama Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor Bilangan 3/2016. Mesyuarat membincangkan dasar-dasar dan hal-hal berbangkit pentadbiran tanah di Negeri Selangor. Pelbagai isu dan persoalan mengenai pentadbiran tanah dapat diperhalusi dan diselesaikan pada mesyuarat ini. Kerjasama dan penglibatan aktif antara PTGS dan semua PTD membuahkan hasil dimana pandangan penambahbaikan pentadbiran tanah diperolehi dan hubungan baik sesama Jabatan diperkukuhkan lagi.

Mesyuarat Pengarah PTGS Bersama Pentadbir Tanah Bil.3/2016



PERISTIWA

Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia (Khas)



Pada kali ini Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia (PTM) Khas pada 19 Disember 2016 di Hotel Grand BlueWave, Shah Alam. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Sallehuddin bin Ishak selaku Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan diurusetiaikan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahyia berbesar hati untuk turut hadir bersama di dalam majlis pada mesyuarat kali ini. Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Tanah Malaysia dan wakil-wakil bahagian daripada JKPTG. Pelbagai perkara yang melibatkan dasar-dasar semasa dan maklumat terkini mengenai tanah dan galian diperbincangkan pada mesyuarat ini.



PERISTIWA

Pada 19 Oktober 2016, bertempat di Auditorium Jubli Perak, SUK Selangor, PTGS telah mengadakan Perhimpunan Bulanan PTGS Bilangan 4/2016. Majlis Perhimpunan dihadiri oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor serta Timbalan Pengarah Pengurusan dan Pendaftaran serta kakitangan PTGS. Perhimpunan kali ini dihoskan oleh Bahagian Hakmilik Strata. Menariknya pada perhimpunan kali ini, Bahagian Hakmilik Strata membuat kelainan dengan mengadakan 'Distress Activity' yang melibatkan semua warga kerja PTGS. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga kerja kerana memberi kerjasama yang baik sepanjang majlis perhimpunan berlangsung!

Perhimpunan Bulanan PTGS Bil.4/2016



PERISTIWA

Perhimpunan Bulanan PTGS Bil.5/2016



Pada 9 Disember 2016 Bahagian Perundangan dengan kerjasama bersama Unit Task Force dan Penyelidikan dan Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal, PTGS telah menjadi tuan rumah untuk menganjurkan satu perhimpunan bulanan PTGS sebagai menutup tirai tahun 2016.

Perhimpunan diadakan bertujuan mengeratkan lagi silaturrahim sesama kakitangan dengan pegawai atasan selain menyuntik semangat dan motivasi diri untuk lebih maju jaya dalam kerjaya.

Perhimpunan dimulakan dengan ketibaan Pengarah Tanah Dan Galian Selangor dan pegawai-pegawai serta kakitangan di PTGS. Perhimpunan disusuli dengan bacaan doa, ikrar, nyanyian lagu Negaraku dan disusuli lagu Negeri Selangor.

Perhimpunan diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan daripada YBrs Pengarah Tanah dan Galian Selangor. Persembahan montaj khas dipersembahkan oleh tuan rumah untuk tontonan warga kerja PTGS. Acara diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada kakitangan yang baharu yang melaporkan diri di PTGS.

Majlis ini diserikan lagi dengan ceramah dan motivasi oleh penceramah jemputan.

Perhimpunan telah bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam lebih kurang 12.00 tengahari.

PERISTIWA

Taklimat Kesedaran Keselamatan ICT

Bahagian Teknologi Maklumat PTGS telah mengadakan Program Taklimat Kesedaran Keselamatan ICT Tahun 2016 pada 29 November 2016 bertempat di Dewan Annex, SUK Selangor. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah PTGS (Pendaftaran), Tuan Yusri bin Zakariah. Peserta yang terlibat dalam program ini adalah seramai 120 orang yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan PTGS, Pejabat Daerah dan Tanah Selangor (PTD) serta Agensi Kerajaan Negeri Selangor.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada semua warga kerja di Selangor tentang prinsip keselamatan ICT, memupuk tanggungjawab individu dan organisasi terhadap keselamatan maklumat serta memberi penerangan terhadap ancaman yang berkemungkinan berlaku ke atas agensi sekiranya ciri keselamatan ICT tidak dititik beratkan. Di samping itu, isu terkini keselamatan ICT serta langkah bagi mencegah insiden pencerobohan dan penyalahgunaan ICT yang sering berlaku di agensi juga dapat dibincangkan dengan lebih terperinci.

Sebanyak dua (2) orang penceramah yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang keselamatan ICT telah dijemput bagi menyempurnakan program ini iaitu daripada pihak CyberSecurity Malaysia dan juga daripada pihak Ofisgate Sdn. Bhd. Kedua-dua taklimat telah disampaikan dengan baik dan mendapat maklumbalas yang cukup memberangsangkan daripada peserta.

Sesi ini juga dimeriahi dengan sesi pemberian hadiah dan saguhati bagi peserta yang hadir antaranya seperti peserta terawal yang mendaftarkan diri, cabutan bertuah serta saguhati bagi peserta yang aktif dan mengambil bahagian dalam sesi soal jawab bersama penceramah.

Program ini diharapkan dapat dilaksanakan setiap tahun dengan penyertaan yang lebih ramai daripada seluruh Agensi Kerajaan di Negeri Selangor pada masa yang akan datang.



PERISTIWA

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1438H/2016



Majlis Sambutan Maulidur Rasul Bagi Tahun 1438H/2016M Peringkat Negeri Selangor, telah diadakan pada 12 Rabiul Awal 1438H bersamaan 12 Disember 2016 di Stadium Melawati Shah Alam. Sambutan pada tahun ini mengangkat tema 'Umat Bersatu Selangor Maju'. Majlis ini disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. Turut serta Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor. Sambutan kali ini telah disertai sebanyak 90 kontingen perarakan yang terdiri dari pelbagai agensi kerajaan negeri Selangor. Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah diketuai oleh En Najmuddin Bin Jemain, Timbalan Pengarah (Pengurusan) dan disertai oleh 45 warga PTGS. Pengarah Tanah dan Galian Selangor, turut bersama-sama hadir dan berarak memberikan sokongan bagi sambutan kali ini.



“Umat Bersatu Selangor Maju”

1438H/2016

PERISTIWA

Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Bagi Tahun 2016

15 Ogos 2016
Bilik Mesyuarat Gemilang 2, PTGS



Mesyuarat Persediaan Bengkel Manual Kes Mahkamah (Sivil) Berkaitan Isu Pendaftaran Hakmilik Tanah

15 Ogos 2016
Bilik Mesyuarat Gemilang 2, PTGS



Pejabat Tanah dan Galian Selangor menerusi Bahagian Khidmat Pengurusan telah dikunjungi oleh Pihak Audit Negara Cawangan Negeri Selangor bagi mengadakan sesi Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi Tahun 2016 di Pentadbiran ini selama dua (2) minggu iaitu mulai pada 24 Oktober 2016 hingga 9 November 2016 *Pre-Exit* Pengauditan telah diadakan pada 11 November 2016 bagi mendapatkan maklumbalas awal hasil daripada penemuan oleh pihak auditor



Pada 21 Disember 2016 yang lalu, satu Mesyuarat Persediaan Bengkel Manual Kes Mahkamah (Sivil) Berkaitan Isu Pendaftaran Hak Milik Tanah telah diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang 2, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah dari Unit Pendaftaran Hakmilik dan Penolong Pegawai Undang-Undang Pejabat Daerah dan Tanah di setiap daerah di Negeri Selangor. Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Pendaftaran Hakmilik PTGS sendiri. Turut hadir bersama ialah Penolong Penasihat Undang-Undang dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor. Objektif utama bengkel ini adalah untuk menyelaras keputusan kes-kes Mahkamah dengan peruntukan-peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara, 1965 supaya tuntutan kecuaihan (terutamanya) terhadap Pejabat Tanah dapat dielakkan. Perbincangan turut melihat aspek Standard Operating Procedure (SOP) dalam melibatkan pendaftaran.

PERISTIWA

Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016

Pada 21 Julai 2016 bertempat di Dewan Annex Negeri Selangor, PTGS telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016 bagi PTGS. Majlis telah di hadiri oleh Pengarah Tanah Galian Selangor Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim, Ketua-ketua Bahagian dan semua kakitangan PTC Selangor. Turut memeriahkan sambutan pada kali ini adalah dengan kehadiran YAB Menteri Besar Negeri Selangor Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, dan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri/EXCO, Pentadbir-Pentadbir Tanah di Negeri Selangor dan warga SUK Selangor. Pelbagai gerai dan juadah dijamu kepada pengunjung yang dianjurkan oleh setiap Bahagian PTGS. Persembahan Nyanyian Raya oleh warga PTGS dan beberapa pertandingan turut diadakan di dalam sambutan Raya kali ini. Setinggi penghargaan diucapkan kepada warga PTGS kerana telah memberi komitmen sambutan kali ini. Semangat kerjasama dan berpasukan telah membuktikan bahawa dengan kerjasama padu seluruh warga PTGS, sambutan Hari Raya dapat dijalankan dengan jayanya. Pengarah PTGS di dalam ucapan beliau juga berharap agar kerjasama yang ditunjukkan dapat dikekalkan agar PTGS dipandang tinggi serta disegani.

*Bermain mercun sambil menari,
Di dalam gelap memancing ikan,
PTGS menyusun sepuluh jari,
Salah dan silap harap maafkan*



ILMU-KURSUS-BENGKEL

Bengkel Penyeragaman Kertas Ringkasan Untuk Permohonan Pembangunan dan Pelupusan Tanah

7-9 September 2016

Amverton Cove, Pulau Carey, Kuala Langat



Bengkel Penyeragaman Kertas Ringkasan ini dilaksanakan sebagai garis panduan kepada Pegawai Tadbir Daerah (PTD) bagi menyelaraskan kertas-kertas ringkasan untuk urusan-urusan permohonan pembangunan dan pelupusan tanah. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan penyediaan Kertas Ringkasan mengikut standard yang ditetapkan. Selain itu, penyeragaman ini penting kerana mengandungi butiran lengkap bagi permohonan seperti tukar syarat, pelupusan, pewartaan dan keluasan tanah.

Bengkel ini diharapkan dapat membantu dalam pelaksanaan tugas seharian terutama berkaitan dengan penyediaan kertas ringkasan yang telah diselaraskan di antara Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah Daerah. Turut serta di dalam bengkel ini ialah Penolong-Penolong Pegawai Daerah, Penolong-Penolong Pegawai Tanah, Pembantu-Pembantu Tadbir Kanan dan Pembantu-Pembantu Tadbir dari Unit Pelupusan dan Pembangunan setiap daerah.

Disamping itu, satu sesi santai turut diadakan di antara Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri bersama Pegawai-Pegawai Daerah bagi membincangkan isu berbangkit Pentadbiran Tanah Daerah seterusnya merasmikan bengkel tersebut. Melalui bengkel ini, peserta juga diterangkan dengan lebih jelas garis panduan yang perlu dipatuhi bagi memudahkan pihak Pentadbiran sekali gus dapat menyeragamkan kertas ringkasan di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah.

Justeru, penyelarasan ini penting bagi membantu mencapai mutu perkhidmatan dan memberikan penyampaian yang berkesan untuk memudahkan urusan permohonan daripada pelanggan.

Kursus Pengambilan Tanah

Kursus ini dianjurkan oleh Unit Pengambilan Tanah, Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal sebagai inisiatif untuk memberikan informasi kepada kakitangan dari PTGS dan Pejabat Tanah Daerah yang terlibat secara langsung dan bertanggungjawab di dalam memproses serta menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengambilan tanah di Negeri Selangor. Ia juga sebagai pendedahan awal kepada pegawai dan kakitangan yang baharu dengan harapan peserta kursus ini akan lebih peka dan mahir dalam menjalankan tugas yang berkaitan berpuatkuasa serta pekeliling yang sedang berkuatkuasa. Ia sekaligus dapat mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang boleh menjejaskan imej dan kredibiliti Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta Pejabat Tanah dan Daerah. Perbincangan pengalaman sesama peserta di dalam kursus ini memberikan peluang para peserta untuk menimba pengalaman daripada kes-kes dan isu yang berbangkit antara daerah untuk dijadikan panduan dan rujukan disamping mendapat pencerahan daripada speaker yang dijemput di dalam kursus ini.

ILMU-KURSUS-BENGKEL

**Bengkel Semakan Sasaran
Kerja Tahunan 2016**
1 & 2 September 2016



Bengkel semakan separuh penggal pertama 2016 dilaksanakan bagi memantau pencapaian SKT sepanjang separuh penggal 2016. Hasil semakan ini akan digunakan bagi menambah baik dan memberikan fokus terhadap projek - projek utama jabatan.



**Kursus Transformasi
Diri Ke Arah Kerja
Berpasukan**

19-21 Oktober 2016
Nur Lembah Pangsun,
Eco Resort, Hulu Langat

Peserta-peserta kursus bergambar selepas selesai menjalani sesi kursus yang mencabar fizikal dan mental peserta



LAWATAN

Lawatan Dari Pejabat Tanah Jajahan Pasir Mas, Kelantan Ke PTGS

18 Julai 2016

Bilik Mesyuarat Gemilang 2, PTGS

*Dari Kelantan Selamat Datang
Kiriman PTGS Kami Sampaikan
Dari Jauh Tuan Datang
Ke Jabatan Ini Kami Alukan*



Penyampaian cenderahati sebagai
kenangan kedua dua pentadbiran



LAWATAN

Lawatan Dari Pejabat Tanah Dan Galian Pahang Ke PTGS



Pejabat Tanah dan Galian Pahang telah melawat PTGS pada 4 Oktober 2016 untuk melihat pelaksanaan e-strata. Disamping melihat pelaksanaan e-strata ini, perbincangan secara terus dengan pegawai yang terlibat dengan sistem e-strata diadakan.

PTG Pahang juga telah dibawa ke Bahagian Strata bagi melihat sendiri penggunaan sistem ini dan terus ke Bahagian Strata secara keseluruhan.

Lawatan ini terdiri daripada pelbagai gred dan jawatan yang diketuai oleh Timbalan Pengarah PTG Pahang.

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN PTGS

Pertandingan Tenpin Boling 2016 PTGS

18 Disember 2016
Megalanes, Plaza Alam Sentral

Pertandingan boling antara zon dan bahagian diadakan bagi menyuntik semangat kekeluargaan dan kesukanan warga PTGS. #KitaSatuFamili adalah tema yang digunakan bagi sesi ini. Syabas pada para pemenang!





PERKAHWINAN

Nama Pegawai : Azreza Binti Razaly
 Nama Pasangan : Tasmaun Bin Mohamad
 Tarikh Nikah : 6. Ogos 2016

KELAHIRAN

01



BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN TANAH

Nama Pegawai : Noorazrin Binti Ismail
 Nama Suami : Noor Efendy bin Mohammad Yacop
 Nama Anak : Nor Adellia binti Noor Efendy
 Tarikh Lahir : 3 Ogos 2016

02



BAHAGIAN PERUNDANGAN

Nama Pegawai : Jihan Musfirah Binti Musa
 Nama Suami : Mohd Fauzi Bin Nasir
 Nama Anak : Muhammad Aniq Asyraf Bin Mohd Fauzi
 Tarikh Lahir : 10 Ogos 2016

03



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Nama Pegawai : Ezrin Edzuin Binti Meor Kamaruddin
 Nama Suami : Azmi Bin Ibrahim
 Nama Anak : Muhammad Ali bin Azmi
 Tarikh Lahir : 8 September 2016

04



BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN TANAH

Nama Pegawai : Syamilla Binti Isa
 Nama Suami : Anas Rasyidi bin Jainudin
 Nama Anak : Nurul Iman Balqis Binti Anas Rasyidi
 Tarikh Lahir : 3 November 2016

05



BAHAGIAN HASIL

Nama Pegawai : Safizan Binti Mohd Shahkarda
 Nama Suami : Zulkiflee Bin Mohammed Nasir
 Nama Anak : Mohammed Zulkikree Bin Zulkiflee
 Tarikh Lahir : 18 November 2016

06



BAHAGIAN KORPORAT DAN AUDIT PENGURUSAN TANAH

Nama Pegawai : Muhammad Amirul Hakimi Bin Azman
 Nama Isteri : Nurhafizah Binti Rahim
 Nama Anak : Muhammad Amirul Zahran Bin Muhammad Amirul Hakimi
 Tarikh Lahir : 6 Disember 2016





**SEMAKAN DAN BAYAR CUKAI TANAH
ANDA SEBELUM 31 MEI SETIAP TAHUN
UNTUK MENGELAKKAN FI TUNGGAKAN**

**CUKAI TANAH
BUKAN CUKAI
PINTU**

**Anda Memiliki Rumah? Kedai? Hartanah Di Negeri Selangor?
Ada Cukai Tanah Yang Perlu Anda Jelaskan!!**

 **Pembayaran secara perbankan internet Hendaklah dibayar atas nama / 'payee'**
Pejabat Pengarah Tanah & Galian Selangor ATAU Pejabat Tanah & Galian Selangor

















 **Pembayaran melalui kaunter di
seluruh Negeri Selangor seperti:**

Pejabat Daerah / Tanah
Pihak Berkuasa Tempatan
Pejabat Tanah & Galian Selangor
Pejabat Pos Malaysia Di Negeri Selangor
& Wilayah Persekutuan



 **Semakan boleh dilakukan di Pejabat Daerah /
Tanah yang berdekatan atau menerusi
mySMS 15888**

LANGKAH - LANGKAH

Langkah 1

Taipkan:
PTGS CUKAI [No. Akaun]
dan hantar SMS ke 15888

Langkah 2

Contoh Paparan:
PTGS CUKAI
020217000635800227167

Langkah 3

Contoh mesej penerimaan:
PTGS:Cukai tanah bagi akaun
020217000635800227167
untuk tahun 2017 yang perlu
dijelaskan adalah RM150.00